

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 2 (1)



SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 9 TAHUN 2020

TATACARA PEROLEHAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Pejabat Bendahari

23 November 2020

Disalinkan Kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 2 (1)

23 November 2020

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 9 TAHUN 2020

TATACARA PEROLEHAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pengetahuan semua staf Universiti Malaysia Kelantan mengenai Tatacara Perolehan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) diuruskan dengan cekap, berintegriti, teratur dan sempurna mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Sebagai salah sebuah Badan Berkanun Persekutuan (BBP), UMK adalah tertakluk kepada pemakaian Pekeliling Perbendaharaan WP 7.5 mengenai Peraturan Perolehan BPP yang berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2019.
- 2.2 WP 7.5 menetapkan bahawa Agensi Kerajaan yang menerima peruntukan/pembiayaan Kerajaan Persekutuan sama ada melalui geran peruntukan atau pinjaman dan sama ada pembiayaan sepenuhnya atau sebahagian daripada kos projek/perbelanjaan, tidak kira agensi mana yang melaksanakan projek atau melakukan perbelanjaan, dikehendaki mematuhi semua peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) selaras dengan ketetapan oleh Pekeliling Perbendaharaan (PP).

- 2.3 Walau bagaimanapun, WP 7.5 juga menetapkan bahawa sebarang pengecualian ke atas peraturan perolehan yang menggunakan dana dalaman hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Pengarah BBP terlebih dahulu melalui perakuan LP.
- 2.4 Oleh yang demikian, Tatacara Perolehan Universiti ini telah dibentangkan dan diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bilangan 4 Tahun 2020 (Kali Ke-217) yang telah bersidang pada 8 Mac 2020 dan telah dibentangkan dan diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bilangan 02 Tahun 2020 yang telah bersidang pada 2 Jun 2020.

3.0 TATACARA PEROLEHAN UNIVERSITI

- 3.1 Tatacara Perolehan Universiti disediakan dengan merujuk kepada:
- 3.1.1 Pekeliling Perbendaharaan mengenai Punca Kuasa, Prinsip Dan Dasar Perolehan Kerajaan (PK 1.1), Kaedah Perolehan Kerajaan (PK 2.1) serta Peraturan Perolehan Badan Berkanun Persekutuan (WP 7.5) dan
 - 3.1.2 Arahan Perbendaharaan mengenai Tatacara Perolehan Bekalan, Perkhidmatan Dan Kerja (Bahagian III, Bab B).
- 3.2 Bab-bab yang terkandung di dalam Tatacara Perolehan Universiti adalah seperti berikut:
- 3.2.1 Pengenalan
 - 3.2.2 Definisi Sumber Peruntukan
 - 3.2.3 Dana Dalaman Universiti
 - 3.2.4 Prinsip-Prinsip dan Dasar Perolehan Universiti
 - 3.2.5 Dasar Semasa Perolehan Kerajaan

- 3.2.6 Dasar Penggunaan Bahan/Barangan dan Perkhidmatan Tempatan
- 3.2.7 Dasar Keutamaan Kepada Syarikat Bumiputera
- 3.2.8 Kesalahan Rasuah dan Pelaksanaan *Integrity Pact*
- 3.2.9 Pelaksanaan *Integrity Pact*
- 3.2.10 Larangan Pecah Kecil
- 3.2.11 Perancangan Perolehan Tahunan Bagi Perolehan
- 3.2.12 Tanggungjawab Ketua PTj dan Unit Audit Dalam
- 3.2.13 Kategori Perolehan Universiti
- 3.2.14 Syarat-syarat Perolehan Universiti
- 3.2.15 Kaedah Perolehan Universiti
- 3.2.16 Had Nilai, Kaedah dan Syarat Bagi Perolehan Kerja
- 3.2.17 Kontrak Pusat dan Kontrak Panel Berpusat
- 3.2.18 Pengecualian Daripada Tatacara Perolehan Universiti
- 3.2.19 Jawatankuasa Perolehan
- 3.2.20 Proses Sebut Harga
- 3.2.21 Proses Tender
- 3.2.22 Tender Terbuka Pra-Kelayakan
- 3.2.23 Had Nilai, Kuasan dan Tanggungjawab Lembaga Perolehan Universiti
- 3.2.24 Garis Panduan Tugas Ke Luar Negara Berkaitan Perolehan Universiti
- 3.2.25 Pelaksanaan Projek-Projek Kecil Secara Gotong Royong
- 3.2.26 Tatacara Pembelian Tanah Daripada Orang Perseorangan, Syarikat dan Perbadanan
- 3.2.27 Tatacara Perolehan Perkhidmatan Pengendalian Kursus dan Latihan
- 3.2.28 Tatacara Perolehan dan Pengurusan Projek Secara Reka dan Bina
- 3.2.29 Garis Panduan Mengenai Pengurusan Perolehan *Information Telecommunication Technology (ICT)* Universiti

- 3.2.30 Penglibatan Syarikat atau Anak Syarikat Dalam Perolehan Universiti
- 3.2.31 Pengecualian Peraturan Perolehan
- 3.2.32 Rujukan
- 3.2.33 Arahan Perbendaharaan
- 3.2.34 Kelulusan Lembaga Pengarah

3.3 Tatacara Perolehan Universiti ini adalah merangkumi perolehan menggunakan peruntukan dana Kerajaan Persekutuan dan dana dalaman Universiti. Tatacara Perolehan Universiti adalah sebagaimana di **Lampiran A**.

4.0 PIHAK BERKUASA MELULUS BAGI PEROLEHAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN DANA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN DANA DALAMAN UNIVERSITI

4.1 Secara amnya, Pihak Berkuasa Melulus bagi perolehan menggunakan peruntukan dana Kerajaan Persekutuan dan dana dalaman Universiti adalah sebagaimana Jadual 1 berikut:

SUMBER/HAD NILAI	SUMBER KERAJAAN PERSEKUTUAN SEPENUHNYA ATAU SEBAHAGIANNYA	SUMBER DALAMAN SEPENUHNYA
Sehingga RM20ribu	Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj)	
Melebihi RM20ribu hingga RM500ribu	Jawatankuasa Sebut Harga Universiti	
Melebihi RM500ribu hingga RM100juta	Lembaga Perolehan Universiti	
Melebihi RM100juta	Kementerian Kewangan (melalui perakuan Lembaga Pengarah Universiti dan Kementerian Pengawal)	Lembaga Pengarah Universiti (melalui perakuan Lembaga Perolehan Universiti)

5.0 PEMAKAIAN


5.1 Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, consisting of several loops and a long horizontal stroke extending to the right.

JUNAIDAH BINTI BADAR

Bendahari

b.p: Naib Canselor